

IKLAN PENYEWAAN

PENYEWAAN TANAH MILIKAN MBPP DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1547, SEKSYEN 3, BANDAR JELUTONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai tanah kosong untuk disewakan di atas sebahagian tanah milikan MBPP Lot 1547, Jalan Gelugor, Seksyen 3, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan ini mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk membida penyewaan tanah kosong tersebut bagi tujuan komersial.

2. SYARAT-SYARAT UTAMA PENYEWAAN

- i. Tempoh sewaan : 3 tahun sahaja;
- ii. Jenis Papan Iklan : Tertakluk Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Di Negeri Pulau
- iii. Aktiviti : Pinang dan Garis Panduan Papan Iklan Luar Jenis LED di Bahagian Pulau, Pulau Pinang
- iv. Penyewa perlu membayar deposit bersamaan 1 tahun kadar sewa ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan MBPP;
- v. Penyewaan adalah berdasarkan kepada 'as is where is basis' dan segala kerja-kerja penyediaan tapak dan penyelenggaraan akan ditanggung oleh penyewa sendiri termasuk penurunan struktur lama;
- vi. Harga Rizab Sewaan ke atas tawaran / bidaan ini ialah RM28.00 sekaki persegi.

3. SYARAT-SYARAT BIDAAN

- i. Bidaan adalah terbuka kepada individu dan syarikat perniagaan (pemohon perlu sertakan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan)
- ii. Tarikh mula bidaan : 24 November 2025 (Isnin)
- iii. Tarikh tutup bidaan : 8 Disember 2025 (Isnin), pada jam 11.00 tengahari.

- iv. Bidaan yang dikemukakan hendaklah disertakan deposit bidaan dalam bentuk cek jurubank dengan amaun yang bersamaan dengan 1 tahun sewaan.
- v. Pembida juga perlu mengemukakan kertas cadangan penggunaan tapak yang lengkap.
- vi. Sekiranya pembida yang berjaya nanti gagal untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan pada tarikh yang ditetapkan oleh MBPP, maka deposit bidaan yang telah dikemukakan akan dilesapkan dan penyewaan itu akan diberikan kepada pihak lain mengikut budi bicara MBPP.
- vii. Pembida yang berminat boleh memperolehi Borang Permohonan di :
 - a) Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Pulau Pinang mulai 24 November 2025 (Isnin) bermula jam 8.00 pagi sehingga pukul 5.00 petang.
 - b) Laman web MBPP (www.mbpp.gov.my)
 - c) Email kepada ctsaliasiah@mbpp.gov.my atau penilaian@mbpp.gov.my
- vii. **Borang Bidaan** yang telah diisi dengan harga tawaran sewaan dan **Kertas Cadangan Tapak** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul kosong yang ditulis pada penjuru atas kiri sampul tersebut dengan 'Penyewaan Tanah Milikan MBPP Di Atas Sebahagian Lot 1547, Jalan Gelugor, Seksyen 3, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang Bagi Kegunaan Komersial (Tapak Iklan).
- viii. Sampul ini kemudiannya, dimasukkan ke dalam kotak berkunci yang disediakan khas di Kaunter Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP, Pulau Pinang pada 8 Disember 2025 (Isnin), **pada atau sebelum : Jam 11 Pagi**.
- ix. MBPP akan membuat pertimbangan ke atas bidaan yang dibuat dan akan menghubungi pembida yang berjaya sebaik sahaja keputusan dibuat.
- x. Keputusan pihak MBPP di dalam pemilihan pembida yang berjaya adalah muktamad.
- xi. MBPP tidak terikat untuk menerima tawaran sewa yang tertinggi.

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN

TANAH MILIKAN MAJLIS DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1547, SEKSYEN 3, BANDAR JELUTONG, DAERAH TIMUR, LAUT, PULAU PINANG

Syarat-syarat Penyewaan

1. Tapak berkenaan akan digunakan untuk tujuan komersial (tapak iklan) tertakluk kepada Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar di Negeri Pulau Pinang dan Garis Panduan Papan Iklan Luar Jenis LED di Bahagian Pulau, Pulau Pinang;
2. Tempoh penyewaan adalah untuk 3 tahun sahaja;
3. Menandatangani surat Akuan Setuju Terima;
4. Menandatangani serta menyetem surat perjanjian penyewaan tanah;
5. Tapak disewakan dalam keadaan sedia ada;
6. Penyewa perlu mematuhi segala kehendak undang-undang/garis panduan daripada Pihak Berkuasa berkaitan, Penyewa tidak dibenarkan menjalankan aktiviti selain daripada yang ditawarkan dan tidak dibenarkan membuat sebarang binaan struktur di atas tapak tersebut kecuali mendapat kebenaran daripada MBPP terlebih dahulu;
7. Segala penyambungan bekalan elektrik dan lain-lain adalah ditanggung oleh penyewa tanpa sebarang tuntutan kepada pihak MBPP.
8. Penyewa dikehendaki mengambil polisi Insuran Liabiliti Awam yang melindungi MBPP dari sebarang kemalangan/kecelakaan berlaku dan Insuran Kebakaran (jika berkaitan);
9. Penyewa bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebersihan tapak dan sekitarnya, menjaga ketenteraman awam, kesesakan lalu lintas dan apa-apa berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan tanpa mengenakan sebarang tuntutan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang.
10. Penyewa bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang pencerobohan di tapak ini;

11. Pemasangan struktur dan papan iklan tersebut hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan di Garis Panduan Papan Iklan Luar Di Negeri Pulau Pinang dan Garis Panduan Papan Iklan Luar Jenis LED di Bahagian Pulau;
12. Pemohon perlu menjelaskan bayaran tahunan lesen papan iklan yang telah ditetapkan;
13. Jurutera bertaualiah perlu membuat perakuan kepada Jabatan bahawa struktur / papan iklan yang didirikan berada dalam keadaan kukuh dan sempurna. Sesalinan perakuan tersebut mesti diberikan untuk rekod;
14. MBPP berhak untuk menamatkan sewaan atau menarik balik kelulusan penyewaan tanah sekiranya penyewa gagal mematuhi syarat-syarat penyewaan atau MBPP memerlukan tapak tersebut, tanpa sebarang bayaran gantirugi;
15. Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa dikehendaki menyerahkan tapak dalam keadaan asal dengan persetujuan MBPP.
16. Penyewa perlu menyerahkan tanah dengan pemilikan kosong sekiranya MBPP memerlukan tanah berkenaan tanpa sebarang bayaran pampasan atau ganti rugi.

BORANG BIDAAN

PENYEWAAN TANAH MILIKAN MBPP DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1547, SEKSYEN 3, BANDAR JELUTONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Saya _____ (Nama dalam huruf
besar)

bagi pihak Individu/Syarikat _____
(Sekiranya syarikat)

dengan ini menawarkan untuk menyewa tanah milikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di atas sebahagian Lot 1547, Seksyen 3, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan setahun dan untuk tujuan komersial (tapak iklan) :-

Kadar Sewa :
Ringgit Malaysia _____
(RM _____).

Dilampirkan bersama-sama ini cek jurubank bertarikh _____ dan bernombor _____ bernilai RM _____ sebagai bayaran bidaan (bersamaan 1 tahun kadar sewaan) kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Tandatangan : _____

Nama : _____
(Huruf Besar)

No. K.P : _____

Jawatan dalam Syarikat : _____

Nama Syarikat : _____

No. Pendaftaran Syarikat : _____

Alamat Berdaftar Syarikat : _____

Alamat Surat Menyurat : _____

(Sekiranya berlainan _____

Dengan Alamat di atas) _____

No. Telefon : _____ No. Fax : _____

Tarikh : _____

Disah Terima:

b.p Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta
Majlis Bandaraya Pulau Pinang